

206

NO. SOALAN : 279

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL
HAMID (B)
(LUMUT)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bahawa ada langkah-langkah untuk menyelesaikan tuntutan kumpulan pegawai kadet pengambilan 1972 (The Mohican) ke atas Kerajaan kerana telah teraniaya apabila menyertai kadet dan ditauliahkan pada 1972 yang menyebabkan gaji mereka dikurangkan lebih kurang RM300 sebulan sejak waktu tersebut. Dicadang supaya ia diselesaikan di luar mahkamah dengan membayar ganti rugi mereka kepada yang masih hidup dan waris yang telah meninggal dunia dengan memohon peruntukan tambahan tahun ini iaitu sebahagian daripada pendapatan luar jangka tahun ini yang dianggarkan sebanyak RM10 bilion.

JAWAPAN:

Tuntutan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 12 Mei 2017. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur juga telah memerintahkan pihak yang menuntut membayar kos sebanyak RM10,000 kepada pihak yang kena tuntutan. Pada masa yang sama, permohonan pihak yang menuntut untuk mengadakan perbicaraan telah ditolak oleh Mahkamah yang sama. Dengan itu kes telah selesai.